

[FOTO AGENSI]

Jangkitan virus zika jejas pendengaran bayi

BH Ahad
4/9/16
mls43

Rio De Janeiro: Virus zika yang disebarkan nyamuk Aedes Aegypti dan menyebabkan kecacatan mikrosefali terhadap bayi baharu lahir juga didapati boleh menyebabkan pekak, menurut kajian yang diterbitkan di Brazil baru-baru ini.

Menurut laporan mingguan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat (CDC), saintis Yayasan Oswaldo Cruz di Brazil mengenal pasti kehilangan pendengaran sekurang-kurangnya enam peratus daripada 70 bayi, yang mana ibu mereka disahkan dijangkiti zika.

Saintis berkata, jangkitan kongenital dikaitkan virus zika

kini dianggap faktor risiko kehilangan pendengaran.

Kajian itu adalah sebahagian usaha saintis mendapat pemahaman lebih baik berhubung kerosakan akibat virus itu ketika kehamilan.

Otak tidak berkembang

Sehingga kini, virus itu lebih dikenali menyebabkan kecacatan kelahiran mikrosefali, bayi lahir berkepala kecil dan otak tidak berkembang.

Kajian juga mendapati, virus itu boleh menyebabkan kerosakan lain pada otak, saraf, penglihatan dan sendi.


Selain zika, beberapa jangkitan

virus lain ketika hamil juga boleh menyebabkan masalah pendengaran dalam kalangan bayi baharu lahir, termasuk rubela dan sitomegalovirus (sejenis virus herpes menjurus kepada kerosakan saraf dan melemahkan sistem imun).

Saintis mendakwa, kanak-kanak yang biasanya terdedah kepada virus zika ketika hamil, namun mendapat keputusan normal pada pemeriksaan awal perlu menjalani ujian susulan.

Sekurang-kurangnya 1,800 bayi dilahirkan dengan mikrosefali di Brazil sejak akhir 2015 apabila wabak zika pertama kali dikesan di negara itu.

AGENSI



Kepala bayi lebih kecil dan otak tidak berkembang akibat jangkitan zika.